

# MT sedia terima keahlian mereka yang secocok-PM

LONDON 25 Mei — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata Majlis Tertinggi UMNO pada umumnya bersedia menerima keahlian daripada orang - orang yang mempunyai pandangan yang secocok dengan ideologi dan matlamat parti.

"Bila kita kata sesiapa pun boleh masuk dia mestilah percaya pada matlamat, dasar dan ideologi macam di sini (Britain).

"Kalau seseorang itu yang mempunyai kepercayaan sosialisme minta masuk parti konservatif parti itu tidak akan menerimanya kerana ideologi yang berlainan," katanya.

Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa cadangan untuk meminda Akta Pilihanraya telah difikirkan sejak Datuk Shahrir Samad meletak jawatan di Johor Baharu.

Menurutnya, gejala di mana anggota Parlimen meletakkan jawatan dengan tujuan untuk mengganggu kerajaan telah berlaku dalam tahun 1964 bila ahli - ahli Parti Buruh meletakkan jawatan satu demi satu supaya pilihanraya diadakan.

"Saya ingat pada masa itu kita telah membuat satu peraturan mengenainya."

Orang - orang ini menurut beliau bukannya menunjukkan minat untuk menjadi wakil

rakyat tetapi sengaja hendak menggunakan pilihanraya untuk mengganggu keadaan dalam negeri.

"Ia adalah penyalahgunaan hak yang terdapat dalam pilihanraya," tegasnya.

Ditanya apakah keadaan yang disebutkan merupakan sama dengan tindakan Encik Lee Kim Sai, Perdana Menteri berkata:

"Ada juga ura - ura orang lain hendak letak jawatan pada suatu masa dulu."

Sementara itu Datuk Sri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa kerajaan akan menggunakan undang - undang seberapa yang boleh untuk menyekat para peminjam Bank Pusat Kerjasama Berhad (CCB) dari melarikan diri.

Mengenai kes penipuan pecah amanah atau CBT, Perdana Menteri berkata, jika terdapat bukti yang menunjukkan pesalah mempunyai harta yang diperolehi hasil dari jenayahnya kerajaan boleh merampasnya dari orang berkenaan.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, rampasan harta pesalah tidak boleh dilakukan sekiranya harta berkenaan bukan diperolehi dari kegiatan jenayahnya.